

1. Maklumat di bawah berkaitan dengan konsep asas perniagaan.

Aktiviti urus niaga yang melibatkan tindakan pembeli memberikan sesuatu yang bernilai kepada penjual.

Apakah konsep asas perniagaan tersebut?

- A Pertukaran nilai
- B Kontrak perniagaan
- C Keuntungan perniagaan
- D Barang dan perkhidmatan

2. Gambar 1 di bawah berkaitan dengan sejenis pemilikan perniagaan.



Gambar 1

Apakah kelebihan jenis pemilikan perniagaan tersebut?

- A Liabiliti terhad
- B Hayat perniagaan berterusan
- C Bebas menguruskan perniagaan
- D Diuruskan secara berseorangan

3. Maklumat di bawah berkaitan dengan perniagaan perkongsian.

En. Amin menyumbangkan modal dalam perniagaan. Beliau tidak melibatkan diri dalam aktiviti pengurusan perniagaan. Beliau juga menanggung liabiliti tidak terhad.

Berdasarkan pernyataan di atas, En. Amin ialah seorang


- A rakan kongsi biasa
- B rakan kongsi aktif
- C rakan kongsi lelap
- D rakan kongsi nominal

4. Apakah kelebihan perniagaan bersaiz kecil?

- I Berdaya saing
- II Kos pengeluaran tinggi
- III Kos overhead yang rendah
- IV Cepat menyelesaikan masalah pelanggan

- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan IV |
| B I dan IV | D III dan IV |

5. Rajah 1 di bawah berkaitan dengan skala perniagaan.



Apakah X?

- A Zon
- B Negeri
- C Daerah
- D Global

6. Maklumat berikut menunjukkan salah satu bidang kuasa kerajaan di Malaysia.

Bidang kuasa atas bahan galian dan tanah serta mewujudkan kawasan industri untuk memajukan kegiatan ekonomi setempat.

Yang manakah memainkan peranan bagi pernyataan di atas?

- A Kerajaan pusat
- B Kerajaan negeri
- C Kerajaan tempatan
- D Kerajaan persekutuan

7. Antara berikut, yang manakah menunjukkan keadaan pengangguran kitaran?
- A Kemahiran pekerja tidak diperlukan lagi.
 - B Pekerja terpaksa mencari pekerjaan lain kerana tamat kontrak.
 - C Majikan mengurangkan bilangan pekerja kerana penggunaan teknologi baharu.
 - D Majikan mengurangkan pekerja semasa berlakunya pandemik covid-19.
8. Pernyataan manakah yang menyebabkan trend meningkat dalam persekitaran perniagaan?
- A Pekerja yang bermotivasi tinggi, rajin serta berdisiplin.
 - B Pengurusan yang kurang cekap dan tidak sistematik.
 - C Keadaan ekonomi yang tidak berkembang.
 - D Sistem perundangan yang tidak stabil.
9. Apakah maksud pasaran?
- A Pekerja yang menyumbangkan tenaga fizikal dan mental.
 - B Merancang dan melaksanakan strategi produk, penentuan harga dan promosi.
 - C Menghasilkan barang atau perkhidmatan bagi memenuhi keperluan dan kehendak pengguna.
 - D Keadaan berlakunya urusan niaga antara penjual dengan pembeli pada suatu tingkat harga dan masa yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.
10. Gambar 2 menunjukkan aktiviti pertanian.



Gambar 2

Apakah trend penggunaan tenaga kerja di atas?

- A Bilangan tenaga kerja yang terhad.
- B Kadar upah yang dibayar adalah lebih tinggi.
- C Mengutamakan penggunaan tenaga pekerja dalam pengeluaran.
- D Menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

11. Gambar 3 berkaitan dengan majikan dan pekerja dalam sebuah organisasi.



Gambar 3

Berdasarkan gambar 3, apakah gaya pengurusan yang diamalkan oleh majikan tersebut?

- A Gaya pengurusan autokratik
 - B Gaya pengurusan sokongan
 - C Gaya pengurusan sederhana
 - D Gaya pengurusan demokratik
12. Pernyataan yang manakah benar tentang visi perniagaan?
- A Merupakan pembentukkan matlamat yang lebih khusus.
 - B Penetapan perancangan jangka masa panjang.
 - C Pernyataan ringkas yang menjelaskan tujuan perniagaan.
 - D Sasaran boleh diukur bagi mencapai matlamat organisasi.
13. Maklumat di bawah berkaitan dengan kos bagi pengeluaran 50 000 unit produk X.

Kos tetap	RM100 000
Bahan langsung	RM200 000
Buruh langsung	RM150 000

Apakah titik pulang modal (unit) bagi pengeluaran produk X sekiranya harga jualan produk itu ialah RM15 seunit?

- A 12 000 unit
- B 12 500 unit
- C 13 000 unit
- D 13 500 unit

14. Pernyataan yang manakah berkaitan dengan daya saing?

- A Kemampuan sesebuah perniagaan untuk mengekalkan operasi perniagaannya dalam industri.
- B Hasil yang meningkat dari semasa ke semasa untuk mencapai matlamat perniagaan.
- C Peratus penguasaan jumlah pengguna yang membeli barang dan perkhidmatan.
- D Kemampuan perniagaan memaksimumkan hasil dengan meminimumkan kos.

15. Padanan yang manakah benar tentang faktor dalaman dan faktor luaran yang mempengaruhi perubahan visi, misi dan objektif perniagaan?

	Faktor dalaman	Faktor luaran
A	Teknologi terkini membolehkan perniagaan lebih berdaya saing	Sumber kewangan yang kukuh merupakan kekuatan perniagaan
B	Perniagaan peringkat domestik hanya melibatkan perundangan dalam negara sahaja	Perkembangan teknologi membolehkan kuantiti pengeluaran ditingkatkan
C	Pekerja akan menyumbang tenaga dan kepakaran berdasarkan kemahiran	Amalan dan cara hidup yang diamalkan oleh sesuatu kaum akan mempengaruhi pembelian produk
D	Keadaan ekonomi dipengaruhi oleh kitaran ekonomi serta dasar kewangan negara	Kawalan kualiti terhadap sesuatu produk akan meningkatkan keyakinan pengguna untuk membeli


16. Maklumat di bawah menunjukkan suatu bahagian fungsian.

- Menentukan pemilihan pembekal yang bersesuaian dan cekap.
- Memastikan barang yang diterima tepat pada masanya.
- Menentukan kuantiti dan spesifikasi barang adalah tepat.

Apakah bahagian fungsian di atas?

- A Jualan
- B Pemasaran
- C Pentadbiran
- D Pembelian


17. Rajah 2 di bawah menunjukkan suatu peringkat dalam pengurusan.



Rajah 2

Berdasarkan rajah 2 di atas, apakah tanggungjawab pengurus pengeluaran?

- A Pengurus pengeluaran bertanggungjawab pada keseluruhan operasi.
 - B Pengurus pengeluaran bertanggungjawab pada unit masing-masing.
 - C Pengurus pengeluaran bertanggungjawab pada tugas masing-masing.
 - D Pengurus pengeluaran bertanggungjawab pada bahagian masing-masing.
18. Maklumat di bawah berkaitan dengan elemen Y dalam proses komunikasi.



Apakah Y?

- A Enkod
- B Dekod
- C Maklum balas
- D Saluran

19. Gambar 4 di bawah menunjukkan sebuah syarikat kurier yang terkenal di Malaysia.



Gambar 4

Bahagian fungsian apakah yang ditunjukkan oleh gambar tersebut?

- A Pengagihan.
 - B Operasi.
 - C Pengeluaran.
 - D Pemasaran.
20. Mengapakah organisasi menjalin hubungan yang baik dengan pembekal?
- A Pembekal membekalkan bahan mentah tepat pada masa dan lokasi yang ditentukan.
 - B Pembekal menyediakan kemudahan kredit.
 - C Pembekal mengadakan rundingan perniagaan tentang syarat perniagaan.
 - D Pembekal menawarkan perkhidmatan penghantaran barang.
21. Gambar 5 menunjukkan pekerja yang sedang menghadiri kursus peningkatan kemahiran.



Gambar 5

Apakah kebaikan aktiviti di atas kepada pekerja?

- A Meningkatkan motivasi pekerja.
- B Meningkatkan produktiviti pekerja.
- C Meningkatkan gaji pekerja.
- D Meningkatkan kebajikan pekerja.


22. Maklumat berikut berkaitan dengan jenis kemahiran kebolehkeraan yang dimiliki oleh En Saufi.

En. Saufi telah bekerja sebagai tukang masak selama 5 tahun di sebuah restoran terkenal di Kuala Terengganu. Beliau bercadang berhenti kerja dan membuka restoran sendiri.

Apakah jenis kemahiran kebolehkeraan yang dimiliki oleh En. Saufi?

- A Kelayakan.
- B Berpengalaman.
- C Berpengetahuan.
- D Kerja berpasukan.

23. Rajah 3 menunjukkan sejenis struktur organisasi.



Rajah 3

Apakah jenis struktur organisasi di atas?

- A Struktur organisasi berdasarkan pelanggan
- B Struktur organisasi berdasarkan produk
- C Struktur organisasi berdasarkan fungsian
- D Struktur organisasi berdasarkan geografi


24. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Syarikat Eezy-Fly Berhad.

Pandemik covid-19 yang melanda dunia menyebabkan beberapa syarikat penerbangan menamatkan perkhidmatan juruterbang mereka. Namun begitu, Eezy -Fly telah menawarkan perkhidmatan kepada juruterbang tersebut dengan pakej penggajian yang lebih rendah berbanding majikan asal. Sebahagian daripada mereka menerima tawaran Eezy-Fly.

Apakah faktor penentu sistem penggajian Syarikat Eezy-Fly Berhad?

- A Kemampuan organisasi
- B Permintaan dan penawaran buruh
- C Bentuk dan jenis tugas
- D Ganjaran yang dibayar oleh pesaing

25. Rajah 4 di bawah menunjukkan sumber teknologi.



Rajah 4

Apakah Z?

- A Paten.
- B Hak cipta terpelihara.
- C Peralatan teknologi dan komunikasi.
- D Kemahiran dan pengalaman.

26. Gambar 6 di bawah menunjukkan sejenis perniagaan.




Gambar 6

Apakah tujuan utama perniagaan tersebut mengurus stok?

- A Supaya stok sentiasa mencukupi.
- B Supaya stok sentiasa diperaga.
- C Menjimatkan ruang penyimpanan stok.
- D Supaya stok sentiasa berada dalam keadaan selamat

27. Rajah 5 di bawah menunjukkan prosedur mengurus sumber fizikal.



Jawatan manakah yang berkaitan dengan prosedur X?

- A Kerani akaun.
 - B Eksekutif jualan.
 - C Pengurus operasi .
 - D Pengurus sumber manusia.
28. Gambar 7 berkaitan dengan contoh sumber teknologi.



Gambar 7

Apakah yang berkaitan dengan contoh tersebut?

- A Harta intelek
 - B Lesen perisian
 - C Kemahiran dan pengalaman
 - D Ciptaan daya intelektual
29. Apakah jenis sumber pembiayaan yang membolehkan perniagaan mencagar barang yang berharga untuk mendapat pinjaman?
- A Sewa beli
 - B Pajak
 - C Pemfaktoran
 - D Ar-Rahnu

30. Gambar 8 menunjukkan suatu bentuk perniagaan.



Gambar 8

Antara yang berikut, manakah modal perniagaan tersebut?

- I Inventori
- II Premis kedai
- III Jentera
- IV Pelanggan

- | | |
|-------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan III | D I dan IV |

31. Maklumat berikut berkaitan dengan Pn. Noni.

Pn. Noni memerlukan modal tambahan sebanyak RM50 000 bagi mengembangkan perniagaannya.
Beliau bercadang membuat permohonan dengan TEKUN Nasional sebagai keperluan modal tambahan.

Pada pendapat anda, mengapakah Pn. Noni mengambil keputusan tersebut?

- A Kadar faedah atas pinjaman rendah
- B Jumlah pinjaman tidak terhad
- C Perlukan cagaran bernilai
- D Tidak tertakluk kepada terma dan syarat

32. Maklumat berikut berkaitan dengan kelemahan sejenis pembiayaan.

Barang akan ditarik balik jika penyewa gagal menjelaskan ansuran .

Apakah jenis pembiayaan tersebut?

- A Sewa beli
- B Pinjaman
- C Gadaian
- D Pajakan

33. Antara yang berikut, yang manakah terkandung dalam penyata pendapatan?

- I Aset semasa
- II Overdraf
- III Jualan
- IV Untung kasar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

34. Berikut adalah penyata pendapatan Perniagaan Zafeesha dari tahun 2017 hingga 2019.

Butiran	2017	2018	2019
	(RM)	(RM)	(RM)
Jualan	90 000	90 000	90 000
<i>Tolak:</i> Kos jualan	(45 000)	(46 000)	(45 000)
Untung kasar	45 000	44 000	45 000
<i>Tolak:</i> Belanja operasi	(25 000)	(22 000)	(20 000)
Untung bersih	<u>20 000</u>	22 000	25 000

Apakah faktor yang menyumbang kepada peningkatan untung bersih dari tahun 2017 sehingga 2019?

- A Jualan semakin meningkat dari tahun ke tahun
- B Kegiatan promosi membantu meningkatkan untung
- C Perniagaan semakin cekap mengurus perbelanjaan
- D Perniagaan menjual produk pada harga yang lebih tinggi

35. Gambar 9 menunjukkan beberapa barang di kedai perabot.



Gambar 9

Apakah kategori barang tersebut?

- A Stok bergerak pantas
- B Stok bergerak perlahan
- C Stok segera
- D Stok statik

36. Berikut menunjukkan agensi yang memberi bantuan profesional kepada usahawan.

- Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA)
- Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi Malaysia (MECD)

Apakah bantuan profesional yang disediakan oleh agensi tersebut?

- A Kewangan
- B Pengurusan
- C Pelaburan
- D Khidmat nasihat dan rundingan

37. Akta berikut adalah berkaitan dengan penubuhan sebuah milikan perniagaan kecuali

- A Akta Syarikat 2016
- B Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
- C Akta kontrak 1950
- D Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012

38. Pernyataan manakah yang paling tepat menerangkan fungsi resit?

- A Menyatakan jumlah bayaran
- B Sebagai bukti bayaran telah dibuat
- C Menyatakan jumlah penerimaan
- D Merekod pembelian kredit

39. Apakah yang dimaksudkan dengan rancangan perniagaan?

- A Dokumen bertulis yang menerangkan tentang perniagaan yang akan dijalankan.
- B Dokumen bertulis yang menerangkan tentang perniagaan yang sedang dijalankan.
- C Dokumen bertulis yang menerangkan tentang perniagaan yang telah dijalankan.
- D Dokumen bertulis yang menerangkan maklumat perniagaan yang hendak dijalankan secara menyeluruh dan terperinci.

40. Rajah 6 menunjukkan sebahagian daripada butiran yang ada dalam rancangan perniagaan



Rajah 6

Apakah Q?

- A Lampiran
- B Rancangan pentadbiran
- C Rancangan pemasaran
- D Latar belakang perniagaan

KERTAS SOALAN TAMAT